



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

SEPADU.100-9/1/3 Jld. 4 (22)

7 Februari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENGGUNAAN LOGO MALAYSIA MADANI DALAM MEDIUM
HEBAHAN DAN PROMOSI KERAJAAN**

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bertarikh 18 Januari 2023 telah bersetuju dengan Agenda Malaysia MADANI sebagai sebuah visi dan kerangka dasar baharu negara yang berteraskan prinsip Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut melancarkan Agenda Malaysia MADANI semasa Program Wacana Membangun Malaysia MADANI dan Amanat Perdana Menteri untuk Malaysia di Pusat Konvensyen Putrajaya pada 19 Januari yang lalu.

3. Sehubungan itu, bagi menyahut seruan Agenda Malaysia MADANI yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semua Kementerian dan Agensi Kerajaan diarahkan untuk mempromosikan Agenda Malaysia MADANI dan menggunakan logo Malaysia MADANI dalam mana-mana medium hebahan yang bersesuaian. Penggunaan logo ini adalah sebagai salah satu inisiatif dalam mempromosikan dan menerapkan nilai-nilai MADANI kepada semua Kementerian, Agensi Kerajaan dan pemegang taruh.
4. Bersama-sama ini turut dilampirkan Garis Panduan Penggunaan Identiti Malaysia MADANI seperti di **Lampiran A** untuk makluman dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan.
5. Arahan ini berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)

LAMPIRAN A

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN IDENTITI
MALAYSIA MADANI**




PAUTAN DAN KOD QR ASET IDENTITI MALAYSIA MADANI

PAUTAN GOOGLE DRIVE

https://drive.google.com/drive/folders/1AKdy5bFZyOSZKyDIxCLgOUT5bpMIXsUT?usp=share_link

KOD QR





Garis panduan penggunaan identiti Malaysia MADANI



Jelas dan Mudah!

**Membangunkan kepekaan sebagai
kepentingan bagi mencipta komunikasi jenama
secara konsisten. Dokumen Garis Panduan
Jenama ini adalah tentang cara membina
jenama Malaysia MADANI yang kukuh melalui
penggunaan logo Malaysia MADANI yang
konsisten dengan ciri tersendiri yang unik.**

CATATAN

Sila ambil perhatian bahawa semua karya seni akhir serta sebarang rekabentuk bahan yang tidak diliputi secara jelas dalam Dokumen Garis Panduan Jenama ini perlu mendapat kelulusan Pasukan Komunikasi Jenama sebelum sebarang penerbitan. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai garis panduan, sila hubungi Pasukan Komunikasi Jenama dengan segera.

Isi kandungan

Pengenalan	3
Rasional logo	4
Warna jenama	5
Versi sah logo	6
	7
Zon bebas logo	8
Penggunaan latar belakang pada logo	9
Versi logo yang dioptimumkan	10
Saiz dan susun letak logo	11
Pengecualian untuk penjenamaan bersama	12
Komunikasi digital dan cetak	13
Komunikasi grafik gerakan	14
Format fail dan warna	15
Jenis huruf	16 17
	18
<hr/>	
Unsur grafik	
Vignet	20
Imej fotografi	21

**Apabila melihat logo
Malaysia MADANI,
kita akan mengenali
jenama Malaysia
MADANI.**

Cara terbaik membina jenama Malaysia MADANI adalah melalui paparan yang jelas, konsisten dan mudah. Orang ramai akan mengenali suatu jenama, dengan satu visi yang kuat yang sentiasa dapat dibezakan dengan satu simbol yang kukuh, iaitu logo Malaysia MADANI.

Semua yang ditawarkan oleh jenama Malaysia MADANI akan dikenalpasti melalui logo Malaysia MADANI.



Rasional logo Malaysia MADANI

Setiap ciri-ciri pada logo Malaysia MADANI mempunyai makna yang terperinci melambangkan wadah perjuangan segenap lapisan masyarakat bersama pemimpin negara. Dengan makna yang terperinci, logo Malaysia MADANI ini menjadi simbol, lambang penyatuan dan elemen penting untuk mengajak rakyat agar bersatu padu melibatkan diri dengan setiap program dan inisiatif Malaysia MADANI.

1 Jalur

Lima jari dengan jalur merah putih merupakan simbolisme kepada Rukun Negara, asas ideologi Malaysia

2 Bulatan

Bulatan berwarna biru menandakan kebulatan muafakat dan perpaduan di kalangan rakyat

3 Bulan Sabit

Bulan merupakan simbol agama Islam sebagai agama Persekutuan

4 Bintang

Bintang berbucu 14 menandakan perpaduan di kalangan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan

5 Warna Putih

Keluhuran budi, kesucian hati dan hasrat murni

6 Warna Merah

Keberanian, jatidiri dan keazaman

7 Warna Kuning

Nilai tradisi, kebudayaan dan kearifan tempatan

8 Warna Biru

Kesatuan nasional, keterangkuman dan persaudaraan



Warna jenama Malaysia MADANI

Warna logo Malaysia MADANI adalah biru, merah dan kuning adalah simbol jenama Malaysia MADANI yang mudah dikenalpasti secara serta-merta.

Warna biru, merah dan kuning jenama Malaysia MADANI melambangkan kekuatan, keunikan dan warisan Malaysia dalam mengukuhkan pengiktirafan jenama Malaysia MADANI.

Melalui penggunaan berserta tujuan yang jelas secara konsisten, warna ini dapat menjadikan pengiktirafan Malaysia MADANI lebih kuat dan kukuh dari semasa ke semasa.

Gunakan palet warna utama kerana ia adalah kaedah mengenalpasti visual utama. Palet warna sekunder juga telah disediakan untuk kepelbagai dan kebolehsuaian.

Palet warna utama



Biru

CMYK 100 / 93 / 24 / 23
sRGB 0 / 26 / 112
Pantone 2748 C | 2748 U



Merah


CMYK 0 / 98 / 93 / 1
sRGB 215 / 40 / 47
Pantone 1795 C | 1795 U



Kuning


CMYK 0 / 23 / 100 / 1
sRGB 225 / 198 / 0
Pantone 7548 C | 7548 U

Palet warna sekunder



Hitam

CMYK 0 / 0 / 0 / 100
sRGB 0 / 0 / 0
Pantone P process C and U



Putih

CMYK 0 / 0 / 0 / 0
sRGB 255 / 255 / 255
Pantone P 1-1 C and P 1-1 U

Versi sah logo MALAYSIA MADANI



1 Berwarna A

1 Berwarna B



2 Hitam dan putih

3 Hitam terbalik

4 Putih terbalik

Beberapa contoh yang perlu dielakkan:



JANGAN tukar warna logo.



JANGAN herotkan, meregang, mampatkan atau mericih logo.



JANGAN mengubah kedudukan komponen logo.



JANGAN tambah garis pada logo.



JANGAN tambah unsur grafik.



JANGAN mengubah jenis huruf pada logo.

Versi sah logo Malaysia MADANI

Asasnya, logo Malaysia MADANI menggunakan warna biru, kuning, putih dan merah sebagai kaedah terbaik dan jelas menunjukkan identiti jenama Malaysia MADANI. Namun, dalam beberapa keadaan atau sebab yang praktikal, versi lain yang boleh digunakan hanya seperti berikut;

- 1 Logo Malaysia MADANI berwarna (A dan B) biru, kuning, merah dan putih merupakan versi standard dalam membina Jenama Malaysia MADANI secara konsisten.
- 2 Logo Malaysia MADANI hitam putih yang dibenarkan atas sebab praktikal.
- 3 Logo Malaysia MADANI hitam terbalik yang dibenarkan atas sebab praktikal.
- 4 Logo Malaysia MADANI putih terbalik yang dibenarkan atas sebab praktikal.
- X Versi lain logo Malaysia MADANI tidak dibenarkan.

Cadangan susun atur sisipan huruf yang digandingkan bersama logo **Malaysia MADANI** oleh pihak ketiga.

Cadangan susun atur sisipan huruf yang digandingkan bersama logo Malaysia MADANI oleh pihak ketiga.

- 1 Mestilah menggunakan jenis huruf yang disahkan iaitu PHEONIX ISLAND. Susun letak sisipan huruf yang digandingkan perlulah berada di lapisan ketiga seperti contoh.
- 2 Jumlah perkataan perlu dirancang agar susun letak huruf sisipan masih boleh dikenalkan sebaris di lapisan ketiga.
- 3 Dalam keadaan praktikal, lapisan keempat adalah dibenarkan dengan cara memaksimumkan penggunaan ruang tinggi ikon telapak tangan.
- 4 Penggunaan huruf selain daripada PHEONIX ISLAND adalah tidak dibenarkan. Dapatkan jenis huruf PHOENIX ISLAND di pautan ini https://drive.google.com/drive/folders/1jZoNIIaXF3yq8fR7zEe-B6RCKpdJbeS?usp=share_link
- 5 Susun letak huruf perlulah kemas dan simetri seperti contoh 1, 2 dan 3.
- 6 Susun letak huruf tidak melebihi empat lapis.

✓ Versi sah logo MALAYSIA MADANI



1

2

3

4

5

6

✗ Versi **TIDAK** sah logo MALAYSIA MADANI



1

2

3

4

5

6


Zon bebas logo Malaysia MADANI

Zon bebas ialah kawasan yang mengelilingi logo Malaysia MADANI yang bebas daripada sebarang jenis maklumat visual yang boleh menyaingi, mengalih perhatian atau menarik perhatian daripada logo Malaysia MADANI.

Zon bebas menjamin kejelasan dan keterampilan logo Malaysia MADANI.

Sebarang mesej atau elemen visual lain mesti diletakkan di luar zon bebas.

- 1 Untuk memastikan logo Malaysia MADANI menonjol pada setiap masa, saiz zon bebas (B) di sekeliling logo hendaklah sentiasa 50% daripada nilai tinggi maksimum 100% (A) logo Malaysia MADANI.
- 2 Disebabkan keadaan teknikal atau praktikal, zon bebas 25% (C) dari nilai tinggi maksimum 100% (A) logo Malaysia MADANI boleh digunakan. Kaedah ini hanya boleh digunakan untuk ruang dan keadaan teknikal yang terhad sama ada untuk kegunaan media digital dan cetakan. Walaubagaimanapun, zon bebas 100% hendaklah sentiasa menjadi keutamaan.



1 A = 100% | B = 50%



2 A = 100% | C = 25%

Logo Malaysia MADANI pada latar belakang

Penggunaan latar belakang berwarna putih paling sesuai bagi menyerlahkan logo Malaysia MADANI agar lebih jelas dan mudah dikenali.

Penggunaan latar belakang berwarna juga sesuai dan boleh diterima jika logo Malaysia MADANI boleh dibezakan dengan jelas.

Penggunaan gambar sebagai latar belakang dibenarkan jika logo Malaysia MADANI boleh dibezakan dengan jelas.

Walau bagaimanapun, pemilihan latar belakang perlu praktikal. Elakkan penggunaan warna atau gambar yang sama dengan logo Malaysia MADANI.

Latar belakang putih



Latar belakang cerah



Latar belakang gelap



Latar belakang gambar



Logo Malaysia MADANI yang optimum untuk ruang digital terhad

Versi logo Malaysia MADANI yang dioptimumkan untuk ruang digital yang terhad dan sempit hanya boleh digunakan untuk Favicon dan ikon Notifikasi.

Sebarang saiz melebihi 48x48 px hendaklah menggunakan logo Malaysia MADANI yang tidak dioptimumkan.

Logo Malaysia MADANI yang dioptimumkan untuk ruang digital yang terhad dan sempit hanya boleh digunakan untuk::


Favicon

Tiga versi dioptimumkan (16x16, 32x32 dan 48x48 px) akan meningkatkan kebolehbacaan untuk berfungsi dengan baik sebagai Favicon, ditunjukkan di tempat yang berbeza pada kebanyakan penyemak imbas web.

Notifikasi

Versi yang dioptimumkan juga boleh digunakan untuk Notifikasi, di mana saiz kecil mungkin diperlukan.

Saiz yang melebihi 48x48 px



Saiz untuk favicon dan notifikasi




Saiz dan susun letak logo Malaysia MADANI

Mewujudkan konsistensi, susun letak logo Malaysia MADANI seperti berikut;

- 1 Sudut kiri atas di setiap bahan komunikasi seperti di risalah kempen, video informasi, brosur dan pembentangan.
- 1 Jika logo Malaysia MADANI digunakan sebagai mesej utama visual, susun letak di sudut kanan tidak terpakai bagi mengelakkan pengulangan visual logo.
- 2 Susun letak di sudut sebelah kiri atas untuk laman web.
- 3 Susun letak berpusat di halaman mendatar dan menegak di akhir video atau filem.
- 4 Susun letak di sudut kanan sebagai TV Bug
- 5 Susun letak di sudut kanan untuk video di media sosial.

Saiz logo hendaklah mencapai saiz optimum bersesuai dengan halaman agar kelihatan jelas.



Pengecualian yang diluluskan untuk penjenamaan bersama

Terdapat satu cara yang konsisten untuk melakukan penjenamaan bersama logo Malaysia MADANI. Tujuannya adalah untuk memudahkan kita memahami siapa pengirimnya. Semua penghantar berjenama bersama tertakluk kepada pengecualian konsep.

- 1 Jika logo Malaysia MADANI digandingkan dengan Jata Negara/Kementerian, institusi yang lebih utama perlu diletakkan lebih awal dan jelas.
- 2 Logo pihak ketiga perlu diletakkan di hadapan logo Malaysia MADANI dan saiz tidak boleh melebihi ketinggian maksimum logo Malaysia MADANI, atau logo penjenamaan bersama hendaklah kelihatan keseluruhannya sama saiz atau lebih kecil daripada logo Malaysia MADANI.

1 Logo MALAYSIA MADANI bersama Jata Negara/Kementerian



PEJABAT PERDANA MENTERI



Kemampuan, Ihsan,
Nilai Hormat, Daya Cipta,
Kesejahteraan dan Keyakinan

2 Logo MALAYSIA MADANI bersama pihak ketiga/penjenamaan bersama



↑
Tinggi maksimum
↓

Logo Malaysia MADANI dalam komunikasi digital dan cetak

Setiap bahan komunikasi wajib membawa logo Malaysia MADANI.

- 1 Logo perlu besar mengikut kesesuaian dan jelas.
- 2 Awas dengan zon bebas logo Malaysia MADANI (50% dan 25%). Sebarang teks, slogan atau maklumat perlu diletakkan di luar zon bebas.
- 3 Pastikan logo jelas dan berbeza dari latar belakang.
- 4 Meletakkan sebarang logo pihak ketiga dalam komunikasi tanpa sebab yang jelas dilarang sama sekali.
Jika logo Malaysia MADANI digunakan sebagai mesej utama visual, susun letak di sudut kanan tidak terpakai bagi mengelakkan pengulangan visual logo.
- 5 Rancang susun letak logo Malaysia MADANI jika menggunakan gambar sebagai latar belakang.

Billboard

Kemampuan, Ihsan, Nilai Hormat, Daya Cipta, Kesejahteraan dan Keyakinan

End slate video untuk digital media

Bug untuk digital media

Sosial media poster

14

Komunikasi grafik gerakan

Semua komunikasi media grafik gerakan mesti membawa pekshot logo Malaysia MADANI.

- 1 Jadikan logo Malaysia MADANI jelas berbeza dari latar belakang.
- 2 Jangan sesekali meletakkan sebarang logo pihak ketiga dalam komunikasi media gerakan tanpa sebab yang jelas.
- 3 Sila rancang untuk menempatkan logo Malaysia MADANI semasa membuat pekshot.

TV Bug



Video bug



End slate untuk komunikasi video



Format fail dan warna logo Malaysia MADANI

Logo Malaysia MADANI mempunyai format fail dan warna yang berbeza.

Pilih format fail dan warna yang bersesuaian dan praktikal bergantung kepada penggunaan logo.

Cetak

Format Fail: EPS

Format warna: CMYK atau PANTONE.

Digital

Format Fail: PNG ketika menggunakan logo dalam konteks digital yang berbeza seperti apl dan web

Format warna: sRGB

Papan tanda

Format Fail: EPS

Format warna: CMYK atau PANTONE

Tekstil

Format fail: EPS

Format warna: PANTONE

Aplikasi MS Office

Format fail: PNG apabila menggunakan logo

MALAYSIA MADANI dalam Word dsb.

Format warna: sRGB


Ikon jenis-jenis format fail



Fail ADOBE Illustrator



Fail EPS



Fail PNG/SVG

SF PRO

Jenis huruf utama

SF PRO ialah sejenis huruf sans-serif yang neutral dan fleksibel.

SF Pro juga menampilkan sembilan pemberat, saiz optik berubah-ubah untuk kebolehbacaan optimum, empat jenis lebar dan termasuk varian bulat.

Untuk jenama Malaysia MADANI, penggunaan huruf yang utama ialah:

1 SF PRO DISPLAY

Untuk media digital dan atas talian.

2 SF PRO TEXT

Untuk media cetak.

Regular

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W Q Y Z
a b c d e f g h i j k l m n o p q r s t u v w x y z
1 2 3 4 5 6 7 8 9 0
. , ! ; : @ # ! \$ % & * () | / ? < > ~ _ - = + { }

Regular italic

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W Q Y Z
a b c d e f g h i j k l m n o p q r s t u v w x y z
1 2 3 4 5 6 7 8 9 0
. , ! ; : @ # ! \$ % & * () | / ? < > ~ _ - = + { }

Bold

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W Q Y Z
a b c d e f g h i j k l m n o p q r s t u v w x y z
1 2 3 4 5 6 7 8 9 0
. , ! ; : @ # ! \$ % & * () | / ? < > ~ _ - = + { }

Bold italic

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W Q Y Z
a b c d e f g h i j k l m n o p q r s t u v w x y z
1 2 3 4 5 6 7 8 9 0
. , ! ; : @ # ! \$ % & * () | / ? < > ~ _ - = + { }

Heavy

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W Q Y Z
a b c d e f g h i j k l m n o p q r s t u v w x y z
1 2 3 4 5 6 7 8 9 0
. , ! ; : @ # ! \$ % & * () | / ? < > ~ _ - = + { }

Heavy italic

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W Q Y Z
a b c d e f g h i j k l m n o p q r s t u v w x y z
1 2 3 4 5 6 7 8 9 0
. , ! ; : @ # ! \$ % & * () | / ? < > ~ _ - = + { }

Jenis huruf sekunder

PHOENIX ISLAND ialah sejenis huruf tulisan tangan yang mempunyai sentuhan yang unik dan cantik.

PHOENIX ISLAND menampilkan satu pemberat sahaja.

Phoenix Island

Regular

A B C D E F G H I J K L M N O P Q R S T U V W Q Y Z
a b c d e f g h i j k l m n o p q r s t u v w x y z
1 2 3 4 5 6 7 8 9 0
. , " ; : @ # ! \$ % & * () \ | / ? < - - = + { }

Panduan penulisan jenama Malaysia MADANI

- 1** Perkataan Malaysia MADANI di dalam penulisan perlulah ditulis dengan "M" huruf besar bagi perkataan "Malaysia" dan semua huruf besar bagi perkataan "MADANI" seperti berikut "Malaysia MADANI"
- 2** Tanda pagar '#' bagi penggunaan media sosial bagi tujuan tagging (penandaan) adalah seperti berikut #MalaysiaMADANI

Contoh

- 1** Setiap ciri-ciri pada logo Malaysia MADANI mempunyai makna yang terperinci melambangkani wadah perjuangan segenap lapisan masyarakat bersama pemimpin negara.
- 1** #MalaysiaMADANI

Unsur grafik

Unsur grafik boleh digunakan bagi menambah nilai reka bentuk pada bahan komunikasi atau sebarang aplikasi yang memerlukan anjakan reka bentuk.

Vignet (Vignette)


Dalam fotografi, vignet (disebut vin-yet) merujuk kepada kegelapan beransur-ansur tepi imej, sambil mengekalkan pusat terang.

Mengapa menggunakan vignet?

Tujuan utama vignet adalah untuk menarik perhatian kepada titik fokus anda. Apabila anda menggelapkan tepi foto, mata penonton anda akan ditarik ke kawasan yang lebih terang di tengah.

Vignet ini mencipta bingkai halus di sekeliling subjek anda, membantu untuk meletakkan lebih fokus pada bahagian penting adegan itu.





Imej fotografi

Secara amnya, imej fotografi yang menyokong dan meningkatkan tema rakyat lebih diutamakan.

Imej tersebut juga perlu menghormati Rukun Negara Malaysia serta sensitif terhadap isu-isu semasa.

Imej berkaitan lain bagi menggambarkan kemajuan berbentuk peribadi atau yang dikongsi dalam suasana bersama khalayak sasaran juga dibenarkan.



The background image shows an aerial view of the Kuala Lumpur city skyline during dusk or dawn. The sky is filled with soft, pastel-colored clouds in shades of pink, orange, and yellow. In the center, the iconic Petronas Twin Towers stand tall against the horizon. To the right, the Kuala Lumpur Tower (Menara KL) is visible. The foreground shows a mix of residential buildings with red-tiled roofs and larger commercial structures, all bathed in the warm light of the setting or rising sun.

Terima kasih